

UNIKL mudah benam THT

Berita Harian · 15 Mar 2021

Kuala Lumpur: Pasukan Universiti Kuala Lumpur (UNIKL) mula mempamerkan belang sebenar dalam misi mempertahankan gelaran juara Liga Hoki Malaysia (MHL) musim ini selepas menundukkan Pasukan Hoki Terengganu (THT) 4-2 dalam aksi di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, semalam.



Masih segar dengan kejayaan mempertahankan gelaran Piala Sumbangsih, Jumaat lalu, UNIKL yang dibimbing Megat Azrafiq Megat Termizi bermula garang apabila mendahului empat gol dalam tempoh 50 minit permainan.

Tiga gol UNIKL terhasil menerusi pukulan sudut penalti yang disempurnakan Muhammad Razie Abd Rahim pada minit ke-13 dan 35 selain Pavandip Singh minit ke-26. Mohamad Sukri Abdul Mutalib turut meletakkan nama sebagai penjaring buat UNIKL apabila meledak gol padang minit ke-42.

THT cuba bangkit apabila berjaya meraih dua gol menerusi pukulan sudut penalti yang disudahkan Mohammad Akhimullah Anuar Esook dan Muhammad Arif Syafie Ishak pada minit ke-51 dan 53, namun kebangkitan itu sudah terlambat bagi menyekat kemenangan UNIKL.

“Apa yang kami rancang

Aksi pemain UNIKL

hari ini (semalam) menjadi. Pemain memberikan prestasi terbaik mereka, apa kelemahan yang saya mahu perbaiki ketika perlawanan pertama (menentang TNB) agak berhasil hari ini.

“Hari ini (semalam) kita dapat tengok kami lebih tajam ketika pukulan sudut penalti, malah ada juga gol padang. Dari segi pertahanan, pemain berjaya mengekalkan struktur. Saya mahu pemain kekalkan momentum ini dan mempertajamkan lagi jentera serangan kami,” kata Megat Azrafiq.

Ini adalah kemenangan pertama dilakar UNIKL dalam saingan musim ini selepas sekadar seri tanpa jaringan dengan TNB dalam aksi sulung, Jumaat lalu tetapi berjaya menjulang trofi Piala Sumbangsih hasil kemenangan 4-3 menerusi penentuan penalti shoot-out.

UNIKL akan menerusi misi mereka musim ini apabila dijadual berdepan Sabah dalam aksi ketiga manakala THT akan bertemu UITM HA, Selasa ini.